



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
PENDIDIKAN KHAS**

Pendidikan Sains, Sosial dan Alam Sekitar

**Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
Tingkatan 4 dan 5**



**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
PENDIDIKAN KHAS**

Pendidikan Sains, Sosial dan Alam Sekitar

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 4 dan 5

Bahagian Pembangunan Kurikulum

SEPTEMBER 2018

Terbitan 2018

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan.....	vii
Kata Pengantar.....	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat	2
Objektif	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah.....	3
Fokus	5
Kemahiran Abad Ke-21	6
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	7
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	8
Elemen Merentas Kurikulum	12
Rancangan Pendidikan Individu	15
Pentaksiran Bilik Darjah	16

Organisasi Kandungan	20
Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Tingkatan 4	23
Manusia.....	25
Haiwan.....	26
Tumbuhan.....	27
Pengawetan Makanan.....	28
Malaysia Maju	29
Kelestarian	30
Sejarah Kita.....	31
Pemimpin.....	32
Pemerintahan di Malaysia	33
Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Tingkatan 5	35
Manusia.....	37
Haiwan.....	39
Tumbuhan.....	40
Pengawetan Makanan	41
Alam Sekitar.....	42

Kelestarian	43
Sejarah Kita.....	44
Pemimpin.....	45
Pemerintahan di Malaysia	46
Panel Penggubal	47
Penghargaan	48



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997
[PU(A)531/97.]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 akan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah lanskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSM. Semoga pelaksanaan KSSM akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. MOHAMED BIN ABU BAKAR
Timbalan Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) mengambil kira keupayaan dan potensi Murid Berkeperluan Khas (MBK) dari pelbagai kategori dan kefungsiannya. Semua MBK dalam kategori Ketidakupayaan Pendengaran, Ketidakupayaan Penglihatan, Masalah Pembelajaran, Ketidakupayaan Fizikal, Ketidakupayaan Pertuturan dan Ketidakupayaan Pelbagai mempunyai ruang dan peluang yang sama untuk mengikuti KSSMPK (Peraturan Pendidikan Khas 2013).

MBK yang mempunyai keupayaan kognitif yang tinggi dan tidak mempunyai masalah tingkah laku, pengurusan diri dan emosi, boleh mengikuti KSSM arus perdana. MBK tahap kefungsiannya sederhana boleh mengikuti kurikulum yang berfokus kepada kemahiran vokasional. Manakala MBK tahap kefungsiannya rendah, pula boleh mengikuti kurikulum yang berfokus kepada perkembangan 6 domain iaitu kognitif, bahasa, sosio-emosi, tingkah laku, motor kasar dan motor halus.

KSSMPK merangkumi mata pelajaran teras dan kemahiran vokasional. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) disediakan bagi mata pelajaran teras yang merangkumi

pengetahuan dan kemahiran asas literasi dan numerasi juga membantu meningkatkan perkembangan domain. Manakala, *Written Instructional Material* (WIM) digunakan sebagai modul pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk mata pelajaran kemahiran vokasional. WIM ini dibangunkan dengan merujuk kepada *National Occupational Skills Standard* (NOSS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Mata pelajaran ini menyediakan pengetahuan dan kemahiran sebagai persediaan untuk MBK berdikari dan menempuh alam pekerjaan. Di samping itu, KSSMPK melengkapkan MBK dengan kemahiran insaniah.

Pendidikan Sains, Sosial dan Alam Sekitar (PSSAS) memberi tumpuan kepada perkembangan kognitif dan asas kemahiran hidup yang dikaitkan dengan kehidupan harian. Kesepaduan ilmu yang berkaitan dengan ilmu sains, geografi dan alam sekitar, sejarah dan kewarganegaraan serta sosial di harap mampu membangunkan sahsiah MBK ke arah kehidupan yang lebih bermakna.

MATLAMAT

KSSMPK PSSAS bermatlamat untuk melahirkan MBK yang berpengetahuan dan berkemahiran dengan ilmu yang berelemenkan sains, geografi, alam sekitar, sejarah dan kewarganegaraan, sosial serta mampu menjalani kehidupan secara berdikari, melestari alam sekitar, boleh berinteraksi dengan masyarakat dan cinta akan negara.

OBJEKTIF


KSSMPK PSSAS bertujuan untuk membolehkan MBK mencapai objektif berikut:

1. Memupuk minat dalam bidang ilmu sains, geografi, alam sekitar, sejarah dan sosial melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dikaitkan dengan kehidupan sebenar.
2. Menghubungkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dengan kehidupan harian.
3. Menguasai kemahiran berfikir secara saintifik, kritis dan kreatif.
4. Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.
5. Menghargai keindahan alam sekitar.
6. Memperoleh kefahaman tentang jati diri dan semangat patriotisme.
7. Memupuk semangat cintakan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.
8. Menyedari kepentingan berkomunikasi dan berinteraksi secara positif antara manusia dengan hidupan lain dalam melestarikan alam sekitar.
9. Mengaplikasikan kemahiran teknologi dan penggunaan peralatan mudah.
10. Menerapkan sikap dan nilai-nilai murni dalam kehidupan harian.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

KSSM dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.

Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketrampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. KSSMPK PSSAS digubal berdasarkan enam tunjang Kerangka KSSM.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah

FOKUS

KSSMPK PSSAS memberi fokus kepada ilmu yang berelemankan sains, geografi, alam sekitar, sejarah dan kewarganegaraan serta sosial.

- Elemen Sains
MBK didedahkan dengan ilmu pengetahuan asas sains yang sistematik, boleh diuji dan dibuktikan kebenarannya. Pembelajaran sains boleh menyemai sikap dan nilai murni seperti semangat ingin tahu, berfikiran terbuka dan prihatin terhadap hidupan lain.
- Elemen Geografi dan Alam Sekitar
MBK dibimbing untuk memahami bentuk persekitaran fizikal dan budaya setempat serta perkaitannya dengan alam semula jadi. Pembelajaran geografi dan alam sekitar dapat menanam sikap bertanggungjawab dalam melestari alam sekitar.
- Elemen Sejarah dan Kewarganegaraan
MBK dapat mengenal diri sendiri, keluarga, tempat tinggal dan budaya masyarakat Malaysia. Pembelajaran melalui sejarah dan kewarganegaraan dapat memupuk semangat patriotisme dan cinta akan negara melalui aktiviti yang berdasarkan peristiwa dalam kehidupan harian seterusnya dapat dijadikan iktibar dan teladan.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam kurikulum PSSAS menyumbang kepada penguasaan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru.
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka menggalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika / undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh.
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

KBAT dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap Pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi.
Mencipta	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasi dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyooalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dirancang perlu memberi penekanan kepada PdP berpusatkan murid. Murid dilibatkan secara aktif dalam PdP yang menyepadukan pemerolehan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan penerapan sikap dan nilai murni. Dalam melaksanakan PdP, guru perlu menyusun atur kemahiran yang hendak diajar, memberi latihan yang konsisten dan menilai tahap pencapaian murid melalui proses analisis tugas dengan mengambil langkah-langkah berikut:

- Mengenal pasti tahap keupayaan murid.
- Merancang aktiviti PdP yang sesuai mengikut tahap keupayaan murid.
- Menghuraikan secara ringkas aktiviti yang dipilih.
- Menyediakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan Bahan Bantu Belajar (BBB) yang sesuai dengan tahap keupayaan murid.
- Mencerakinkan aktiviti kepada langkah-langkah yang lebih kecil.
- Membuat pemerhatian dan penilaian terhadap pencapaian murid.
- Membuat penambahbaikan yang sesuai.

Bagi meningkatkan minat dan keseronokan belajar, guru boleh mempelbagaikan pendekatan pengajaran seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, konstruktivisme, pembelajaran kontekstual, pembelajaran berasaskan projek, belajar melalui bermain, pendekatan bertema, pembelajaran pengalaman dan pembelajaran luar bilik darjah.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan pendekatan yang mementingkan pembelajaran melalui pengalaman. Inkuiri secara am bermaksud mencari maklumat, menyoal dan menyiasat tentang sesuatu fenomena yang berlaku. Pembelajaran secara inkuiri berlaku apabila konsep dan prinsip utama dikaji dan ditemui oleh murid sendiri.

Dalam strategi PdP inkuiri, murid menyoal dan mengemukakan pendapat berlandaskan hasil pemerolehan. Guru boleh bertindak sebagai fasilitator dengan mengemukakan soalan bagi memandu murid ke arah inkuiri. Perbincangan boleh dijalankan sebelum, semasa dan selepas menjalankan aktiviti.

Konstruktivisme

Konstruktivisme membolehkan murid belajar sesuatu dengan cara membina sendiri pemahaman yang bermakna kepada diri mereka. Antara unsur penting dalam konstruktivisme adalah:

- Guru mengambil kira pengetahuan sedia ada murid.
- Pembelajaran adalah hasil usaha murid sendiri.
- Pembelajaran berlaku apabila murid menghubungkan idea asal dengan baharu bagi menstruktur semula idea mereka.
- Murid berpeluang bekerjasama, berkongsi idea dan pengalaman serta membuat refleksi.

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran Kontekstual adalah pembelajaran yang dikaitkan dengan kehidupan harian murid. Dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran kontekstual, perkaitan antara ilmu yang diajar dengan kehidupan harian dieksplisitkan. Murid tidak hanya belajar secara teori semata-mata, bahkan dapat menghayati kerelevanan ilmu yang dipelajari dengan kehidupan harian.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) merupakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan inkuiri. Strategi ini memerlukan murid untuk memberi tumpuan kepada persoalan atau masalah yang kompleks, menyelesaikan masalah tersebut melalui proses penyiasatan secara bekerjasama dalam suatu tempoh waktu. Projek yang dijalankan adalah untuk menyiasat topik atau isu yang dihadapi murid dalam persekitaran sebenar. Semasa menjalankan proses penyiasatan ini, murid dapat mempelajari kandungan, maklumat dan fakta-fakta yang diperlukan untuk membuat kesimpulan tentang persoalan atau masalah yang ditimbulkan. Melalui PBP murid dapat mempelajari kemahiran yang dihasratkan dan mengasah kemahiran berfikir mereka sendiri.

Belajar Melalui Bermain

Pendekatan Belajar Melalui Bermain (BMB) ditekankan dalam proses PdP bagi murid khususnya MBK kerana pendekatan ini berupaya menarik minat dan menimbulkan keseronokan ketika belajar. BMB mengalakan MBK melakukan penerokaan, penemuan dan pembinaan kefahaman berdasarkan pengalaman, dengan rasa gembira dan seronok. Pendekatan ini boleh meningkatkan keupayaan kognitif dan meningkatkan rasa ingin

tahu, penguasaan kemahiran berfikir dan psikomotor, serta kemahiran mengendalikan emosi.

Ciri ciri BMB adalah seperti berikut:

- Aktiviti yang menyeronokkan.
- Penerokaan dan interaksi dengan persekitaran.
- Permainan bebas dan terancang.
- Keanjalan masa.
- Percubaan idea sendiri.
- Peluang untuk memberikan tumpuan dan perhatian.

Pendekatan Bertema

Pendekatan Bertema (PB) digunakan dalam proses PdP murid khususnya MBK. Pemilihan topik atau tema mestilah bersesuaian dengan persekitaran murid. Pendekatan PB melibatkan:

- Penggunaan suatu tajuk umum merentasi bidang pembelajaran.
- Pemilihan tajuk tema berasaskan kesesuaian tahap murid, situasi tertentu atau peristiwa semasa.
- Saling berkaitan dengan pengalaman sedia ada dan pengalaman baru yang diperoleh secara tersusun dan sistematik.

- Peluasan dan pengukuhan pengetahuan dan kemahiran.
- Pemingkatan daripada yang mudah kepada yang sukar dan umum kepada yang lebih khusus.

Pemilihan tema pula perlu mengambil kira:

- Peluang untuk mengaplikasi kemahiran kepada murid-murid seperti kemahiran asas mendengar, membaca, menulis, mengira, penggunaan komputer dan lain-lain.
- Kemahiran yang diperoleh daripada tema yang diajar dapat membantu murid mendapat kemahiran penyelesaian masalah.
- Sumber yang mudah didapati.
- Mengikut musim atau peristiwa untuk memberi kesedaran dan pengukuhan serta meningkatkan pengetahuan murid.

Pembelajaran Pengalamian

Pendekatan Pembelajaran Pengalamian merupakan satu kaedah yang membolehkan MBK diberi peluang melalui situasi sebenar semasa aktiviti PdP dijalankan. Pendekatan ini membantu murid meningkatkan keupayaan sendiri mereka. Dalam melaksanakan pendekatan ini, guru berperanan:

- Menentukan suasana yang positif untuk proses pembelajaran.
- Menjelaskan peranan murid dalam tugas.

- Menyediakan sumber untuk proses pembelajaran.
- Melakukan simulasi untuk proses pembelajaran
- Menyediakan satu persekitaran bagi membolehkan guru dan murid berkongsi perasaan dan pemikiran secara bebas.
- Menempatkan murid dalam situasi atau suasana yang memerlukan kemahiran baru atau sokongan dan peneguhan dengan pengalaman lalu.
- Memberi bantuan, bimbingan dan peneguhan dengan mengaitkan pembelajaran yang baharu dalam kehidupan sebenar murid seperti sekolah, keluarga dan komuniti.

Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Pendekatan ini bertujuan menyediakan ruang dan peluang untuk murid:

- Memperoleh pengalaman sebenar.
- Berekreasi.
- Bersosialisasi dan berkomunikasi.
- Melaksanakan aktiviti yang menggembirakan.
- Meneroka dan berinteraksi dengan persekitaran.
- Melakukan aktiviti bebas dan aktiviti terancang.

Antara aktiviti di luar bilik darjah termasuk lawatan, perkhemahan/ kursus motivasi, perkelahan, aktiviti berkuda, berenang dan aktiviti menjual beli.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam SK dan SP. Elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa MBK perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika MBK untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian sains dan teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi).

- ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu).
- iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan).
- iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.

- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen TMK dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi

meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.

- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan.

Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

11. Kemahiran Transisi ke Kerjaya

Pelaksanaan KSSMPK perlu menyepadukan modul transisi ke kerjaya bagi memastikan MBK lebih bersedia untuk menempuh alam kerjaya dan dunia pekerjaan. MBK perlu belajar untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dalam perkembangan fizikal, tahap pemikiran dan hubungan sosial mereka. Aktiviti transisi ke kerjaya bertujuan meningkatkan kesediaan MBK dengan kemahiran *soft skills*. Antara kemahiran penting yang diperlukan adalah advokasi diri yang menyediakan MBK dengan kemampuan dan keyakinan diri untuk

memperjuangkan hak mereka. Pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada kurikulum diperkukuhkan melalui aktiviti transisi ke kerjaya yang membolehkan MBK mengadaptasi dan menyesuaikan diri dengan persekitaran tempat kerja supaya mampu memberikan prestasi kerja yang baik.

Aktiviti transisi ke kerjaya juga mampu meningkatkan kesediaan MBK dalam menjalin hubungan sosial khususnya dengan ahli keluarga, rakan sebaya, rakan sekerja serta ahli komuniti di sekolah, tempat latihan dan tempat kerja. Program transisi ke kerjaya dibina berasaskan enam komponen iaitu kemahiran kehidupan, kemahiran advokasi diri, kemahiran membudayakan kehidupan kedewasaan, kemahiran kerjaya, penilaian kesediaan kerjaya dan kemahiran di tempat kerja diharap dapat meningkatkan kebolehpasaran MBK pada akhir sesi persekolahan menengah mereka.

Program transisi ke kerjaya berfokuskan kepada 3 aspek penting iaitu:

- Sokongan psikologi, emosi dan minda untuk MBK menyesuaikan diri dengan persekitaran, individu dan komuniti di sekolah, keluarga, tempat latihan dan tempat kerja.

- Memupuk keyakinan dan advokasi diri melalui kemahiran *soft skill* dan *social skill*.
- Pendedahan dan pengalaman secara *hands-on* di tempat kerja melalui program latihan industri.

RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU

Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 telah menjelaskan bahawa Rancangan Pendidikan Individu (RPI) adalah rekod yang melaporkan butiran rancangan pendidikan berasaskan kepada potensi individu MBK. Guru perlu mengenal pasti keupayaan dan kelemahan murid melalui ujian diagnostik secara pemerhatian, lisan dan penulisan. Matlamat RPI adalah untuk meminimalkan halangan belajar dan memaksimumkan potensi diri bagi meningkatkan kesediaan MBK untuk belajar.

Kerjasama dan kolaboratif antara ibu bapa, kumpulan pakar, agensi kerajaan, pusat latihan kemahiran dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) amat penting dalam menentukan aktiviti intervensi, rehabilitasi dan program transisi yang sesuai dengan ketidakupayaan murid. Aktiviti intervensi dan rehabilitasi seperti latihan pertuturan, kawalan emosi dan tingkah laku boleh membantu murid meningkatkan tumpuan, minat dan perhatian

kepada PdP di dalam bilik darjah. Program transisi pula dapat membantu MBK mengadaptasi dan menyesuaikan diri dengan keluarga, persekitaran, komuniti, tempat latihan dan tempat kerja aktiviti intervensi, rehabilitasi dan program transisi akan dapat membantu guru membina RPI dengan lebih berkesan.

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran bilik darjah (PBD) merupakan proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan bagi membolehkan guru menentukan tahap penguasaan murid.

PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Guru perlulah merancang, membina item atau instrumen pentaksiran, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan yang diajar berdasarkan DSKP.

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan penguasaan murid, guru haruslah melaksanakan pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, lisan dan penulisan.
- Menggunakan pelbagai strategi pentaksiran yang boleh dilaksanakan oleh guru dan murid.
- Mengambil kira pelbagai aras pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari.
- Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- Mentafsir tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.
- Mengambil tindakan susulan bagi tujuan pemulihan dan pengukuhan.

PBD juga perlu mengambil kira kemajuan MBK berdasarkan pelaksanaan intervensi yang dirancang menggunakan RPI. RPI merupakan dokumen yang menjelaskan tahap 5 domain perkembangan murid: kognitif, komunikasi, sosio-emosi, tingkah laku, motor kasar dan motor halus. Peningkatan kesediaan MBK untuk belajar boleh dikenal pasti dan direkodkan dalam RPI yang mana akan membantu guru menentukan strategi dan kaedah PdP bersesuaian dengan potensi individu murid.

TAHAP PENGUASAAN UMUM

Tahap penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam tahap penguasaan yang menunjukkan aras penguasaan yang disusun secara hirarki. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Jadual 3 menunjukkan pernyataan tahap penguasaan umum.

Guru boleh mencatat perkembangan murid di dalam buku rekod mengajar, buku latihan, buku catatan, senarai semak, jadual atau lain-lain yang sesuai. Perekodan tahap penguasaan dibuat ke dalam templat pelaporan yang disediakan setelah PdP bagi setiap bidang, tema, kemahiran atau kelompok Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran selesai dilaksanakan.

Jadual 3: Pernyataan Tahap Penguasaan Umum

Tahap	Tafsiran
1 (Tahu)	Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas.
2 (Tahu dan faham)	Murid menunjukkan kefahaman dengan menjelaskan sesuatu perkara yang dipelajari dalam bentuk komunikasi.
3 (Tahu, faham dan boleh buat)	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab)	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab iaitu mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik.
5 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab terpuji)	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu dengan mengikut prosedur atau secara sistematik serta tekal dan bersikap positif.
6 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab mithali)	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif dalam penghasilan idea baharu serta boleh dicontohi.

TAHAP PENGUASAAN KESELURUHAN

Tahap Penguasaan Keseluruhan bagi setiap mata pelajaran perlu ditentukan pada setiap akhir tahun. Tahap Penguasaan Keseluruhan ini merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Guru perlu mentaksir murid secara kolektif dan holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran. Guru hendaklah menggunakan pertimbangan profesional dalam semua proses pentaksiran, khususnya dalam menentukan tahap penguasaan keseluruhan. Pertimbangan profesional boleh dilakukan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman guru, interaksi guru bersama murid, serta perbincangan bersama rakan sejawat.

Standard Prestasi menunjukkan enam Tahap Penguasaan (TP) yang merujuk kepada aras penguasaan yang disusun secara hieraki, dan diguna bagi tujuan pelaporan. Guru boleh membuat pertimbangan profesional untuk menentukan tahap penguasaan murid berdasarkan pengalaman bersama murid dan perbincangan profesional dengan rakan sejawat. Pentaksiran yang dibuat seharusnya mengintegrasikan kandungan, kemahiran dan nilai untuk melihat sejauh mana murid menguasai Standard Kandungan tertentu secara holistik. Jadual 4 menyenaraikan maksud dan tafsiran umum tentang setiap tahap penguasaan bagi mata pelajaran KSSMPK PSSAS.

Jadual 4: Penyataan Tahap Penguasaan Umum KSSMPK PSSAS

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN UMUM
1	Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara asas.
2	Murid menunjukkan atau mempamerkan kefahaman dan boleh menterjemahkan atau menjelaskan apa yang dipelajari melalui pelbagai kaedah komunikasi.
3	Murid mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4	Murid menganalisis pengetahuan yang dipelajari dan boleh melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Murid menilai pengetahuan yang dipelajari dan boleh melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekal dan bersikap positif.
6	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif serta boleh dicontohi.

ORGANISASI KANDUNGAN

KSSMPK PSSAS Tingkatan 4 dan 5 berelemenkan ilmu sains, geografi dan alam sekitar, sejarah dan kewarganegaraan serta sosial. Pelaksanaan bagi KSSMPK PSSAS adalah mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 9 Tahun 2016 yang berkuatkuasa sekarang. Perincian kandungan adalah seperti dalam Jadual 5 dan 6.

- i) Kesepaduan ilmu pada tajuk-tajuk ini dikaitkan dengan keperluan ilmu dan kemahiran MBK dalam menjalani kehidupan harian. Tajuk - tajuk ini boleh dipilih dan diajar mengikut tahap keperluan pembelajaran semasa murid namun begitu guru masih boleh memilih mana-mana tajuk yang bersesuaian untuk diajar tanpa mengambil kira turutan tajuk.
- ii) Setiap aktiviti proses pembelajaran ditulis dalam bentuk objektif perlakuan yang boleh diukur. Secara amnya, SP disusun secara berperingkat mengikut hirarki dari mudah ke sukar bagi mencapai kehendak setiap tajuk pembelajaran.
- iii) Tafsiran bagi tahap penguasaan dalam PSSAS pula adalah pernyataan tentang tahap kebolehan dan penguasaan pembelajaran murid yang diukur berdasarkan

- iv) kandungan yang dipelajari. Ia merupakan petunjuk tahap pencapaian dan perkembangan atau kemajuan pembelajaran murid.

Jadual 5 : Perincian Kandungan PSSAS Ting. 4

TAJUK		STANDARD KANDUNGAN	
1.0	Manusia	1.1	Sistem Pembiakan
2.0	Haiwan	2.1	Penjagaan Haiwan Ternakan
3.0	Tumbuhan	3.1	Penjagaan Tumbuhan
4.0	Pengawetan Makanan	4.1	Pengetinan dan Pembotolan
5.0	Malaysia Maju	5.1	Pengangkutan
		5.2	Telekomunikasi
6.0	Kelestarian	6.1	Kitar Semula Bahan Buangan Aluminium
7.0	Sejarah Kita	7.1	Kawasan Tempat Tinggal
8.0	Pemimpin	8.1	Pemimpin Negari
9.0	Pemerintahan di Malaysia	9.1	Bentuk Pemerintahan

Jadual 6 : Perincian Kandungan PSSAS Ting. 5


TAJUK	STANDARD KANDUNGAN
1.0 Manusia	1.1 Kehamilan 1.2 Kelahiran
2.0 Haiwan	2.1 Haiwan dan Kepentingan
3.0 Tumbuhan	3.1 Tumbuhan dan Kepentingan
4.0 Pengawetan Makanan	4.1 Pembungkusan Vakum dan Pempasteuran
5.0 Alam Sekitar	5.1 Pemanasan Global
6.0 Kelestarian	6.1 Pengurusan Sisa Pepejal
7.0 Sejarah Kita	7.1 Negeriku
8.0 Pemimpin	8.1 Pemimpin Negara
9.0 Pemerintahan di Malaysia	9.1 Demokrasi Berparlimen 9.2 Pilihan Raya di Malaysia

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran boleh dipelbagaikan untuk mencapai SK bagi memenuhi keperluan pembelajaran dan kebolehan serta gaya pembelajaran murid. Guru digalakkan merancang aktiviti yang dapat melibatkan murid secara aktif bagi menjana pemikiran secara analitis, kritis, inovatif dan kreatif.

Waktu minimum pelaksanaan KSSMPK PSSAS adalah 32 jam setahun. Jadual 7 memberikan tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Jadual 7: Organisasi DSKP

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
<p>Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.</p>	<p>Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.</p>	<p>Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.</p>



Standard Kandungan,
Standard Pembelajaran
dan Standard Prestasi

Tingkatan 4

1.0 MANUSIA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.1 Sistem Pembiakan	Murid boleh:		
	1.1.1 Menyatakan maksud sistem pembiakan.	1	Menyatakan maksud sistem pembiakan manusia dengan bimbingan guru.
	1.1.2 Menamakan organ pembiakan: i) Lelaki ii) Perempuan	2	Mengenal pasti organ pembiakan lelaki dan perempuan dengan bimbingan guru.
	1.1.3 Menyatakan fungsi organ pembiakan.	3	Menjelaskan dengan contoh fungsi organ pembiakan lelaki dan perempuan dalam proses pensenyawaan dalam asas kejadian manusia.
	1.1.4 Menjelaskan proses persenyawaan dalam asas kejadian manusia.	4	Menganalisis maklumat yang berkaitan organ pembiakan manusia dengan betul dan secara sistematik.
		5	Merumus maklumat mengenai sistem pembiakan dalam asas kejadian manusia secara sistematik, tekal dan yakin.
	6	Menjana idea dengan menghasilkan bahan grafik mengenai sistem pembiakan manusia secara sistematik, kreatif dan boleh dicontohi.	

2.0 HAIWAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.1 Penjagaan Haiwan Ternakan	Murid boleh:		
	2.1.1 Menyatakan cara menjaga haiwan ternakan.	1	Menyatakan cara menjaga haiwan ternakan .
	2.1.2 Menjaga haiwan ternakan dari aspek: i) Tempat tinggal ii) Pemakanan iii) Kesihatan iv) Rawatan	2	Mengenal pasti cara penjagaan haiwan ternakan dengan bimbingan guru.
		3	Menjaga haiwan ternakan dengan betul.
	2.1.3 Menjelaskan kepentingan penjagaan haiwan ternakan.	4	Mengkategorikan haiwan ternakan dan cara menjaganya dengan betul.
		5	Membandingbezakan cara penjagaan haiwan-haiwan ternakan dengan betul, yakin dan tekal.
		6	Menyebarkan maklumat penjagaan haiwan ternakan dan kepentingan menjaganya dengan betul,yakin dan tekal serta boleh dicontohi.

3.0 TUMBUHAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
3.1 Penjagaan Tumbuhan	Murid boleh:		
	3.1.1 Menyatakan cara menjaga tumbuhan.	1	Menyatakan cara menjaga tumbuhan.
	3.1.2 Menjelaskan langkah-langkah keselamatan ketika menjaga tumbuhan.	2	Mengenal pasti cara penjagaan tumbuhan dengan bimbingan guru.
	3.1.3 Menjaga tumbuhan.	3	Menjaga tumbuhan dengan betul.
	3.1.4 Menyatakan kepentingan penjagaan tumbuhan.	4	Menentukan langkah-langkah keselamatan ketika menjaga tumbuhan dan menjelaskan kepentingan menjaga tumbuhan berkenaan dengan betul dan yakin.
		5	Membandingbezakan cara penjagaan tumbuhan dengan sebab-sebabnya dengan betul, yakin dan tekal.
		6	Menyebarkan maklumat penjagaan tumbuhan dan kepentingan menjaganya dengan betul, yakin dan tekal serta boleh dicontohi.

4.0 PENGAWETAN MAKANAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
4.1 Pengetinan dan Pembotolan	Murid boleh:		
	4.1.1 Mengenal pasti makanan yang boleh: i) ditinkan ii) dibotolkan	1	Menyatakan mengenai makanan yang ditinkan atau dibotolkan dengan bimbingan guru.
	4.1.2 Menyatakan mengenai proses pengawetan makanan secara: i) pengetinan ii) pembotolan	2	Menamakan makanan yang boleh ditinkan dan dibotolkan serta proses pengawetannya dengan bimbingan guru.
	4.1.3 Menjelaskan kepentingan pengawetan makanan.	3	Mengenal pasti dan menamakan makanan yang boleh diawet dengan cara pengetinan dan pembotolan.
	4.1.4 Mengetin atau membotolkan bahan makanan.	4	Membezakan proses pengawetan makanan dan menyatakan kepentingan pengawetan makanan dengan betul.
		5	Membanding bezakan antara makanan yang telah ditinkan atau dibotolkan serta kepentingannya dengan betul, yakin dan tekal.
		6	Menghubungkaitkan pengetahuan mengenai pengawetan pelbagai jenis makanan dengan betul, yakin dan boleh bercerita mengenai kepentingannya serta boleh dicontohi.

5.0 MALAYSIA MAJU

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
5.1 Pengangkutan	Murid boleh:	1	Menamakan jenis-jenis pengangkutan dan alat telekomunikasi dengan bimbingan guru.
	5.1.1 Mengenal pasti jenis pengangkutan: i) air ii) darat iii) udara		2
5.2 Telekomunikasi	5.1.2 Menyatakan kepentingan pengangkutan dalam kehidupan harian.	3	Mengenal pasti jenis-jenis pengangkutan dan alat-alat telekomunikasi serta menyatakan kepentingannya dalam kehidupan harian dengan betul .
	5.2.1 Mengenal pasti alat telekomunikasi: i) telefon ii) mesin faksimili iii) komputer iv) televisyen v) radio	4	Mengelaskan jenis-jenis pengangkutan dan alat-alat telekomunikasi mengikut kumpulannya serta menyenaraikan kepentingannya dalam kehidupan harian.
	5.2.2 Menyatakan kepentingan alat telekomunikasi dalam kehidupan harian.	5	Menghubungkan pengetahuan mengenai kepentingan pengangkutan dan alat telekomunikasi dalam kehidupan harian dengan yakin dan tekal.
		6	Menghasilkan bahan pembelajaran mengenai pengangkutan dan alat telekomunikasi secara kreatif dan boleh berbicara mengenainya serta boleh dicontohi.

6.0 KELESTARIAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
6.1 Kitar Semula Bahan Buangan Aluminium	Murid boleh:		
	6.1.1 Mengenal pasti bahan buangan daripada aluminium.	1	Menamakan benda daripada aluminium yang boleh dikitar semula dengan bimbingan guru.
	6.1.2 Memerihalkan produk kitar semula bahan buangan daripada aluminium.	2	Menjelaskan mengenai produk kitar semula bahan buangan daripada aluminium dengan bimbingan guru.
	6.1.3 Melaksanakan pameran projek kitar semula bahan buangan daripada aluminium.	3	Menggunakan bahan buangan daripada aluminium untuk dikitar semula dalam aktiviti pembelajaran.
	6.1.4 Mempamer dan menjual hasil produk kitar semula bahan buangan daripada aluminium.	4	Menerangkan semula proses menghasilkan produk kitar semula dengan betul.
		5	Menilai produk kitar semula bahan buangan daripada aluminium dengan betul dan yakin.
		6	Menggunakan bahan buangan daripada aluminium untuk menghasilkan produk kitar semula yang kreatif dan mempamerkannya sebagai aktiviti pembelajaran.

7.0 SEJARAH KITA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
7.1 Kawasan Tempat Tinggal	Murid boleh: 7.1.1 Memerihalkan kawasan tempat tinggal antaranya: i) Nama tempat tinggal ii) Lokasi tempat tinggal iii) Asal usul nama tempat tinggal iv) Aktiviti masyarakat setempat. 7.1.2 Menjelaskan sejarah tempat tinggal.	1	Menamakan tempat tinggal.
		2	Memerihalkan kawasan tempat tinggal dengan bimbingan guru.
		3	Mengaplikasi pengetahuan mengenai kawasan tempat tinggal dalam bentuk grafik.
		4	Menganalisis maklumat mengenai kawasan tempat tinggal dengan betul.
		5	Menerangkan keistimewaan dan keunikan tempat tinggal masing-masing dengan yakin dan tekal.
		6	Menghasilkan satu kerja kreatif mengenai sejarah tempat tinggal dengan yakin, tekal dan boleh dicontohi.

8.0 PEMIMPIN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
8.1 Pemimpin Negeri	Murid boleh:		
	8.1.1 Mengenal pemimpin negeri.	1	Menyatakan nama pemimpin negeri dengan bimbingan guru.
	8.1.2 Memerihal mengenai seorang pemimpin negeri antaranya:	2	Menjelaskan mengenai pemimpin negeri dengan bimbingan guru.
	i) Nama dan tarikh lahir	3	Mengaplikasi ciri-ciri kepimpinan dalam kehidupan harian.
	ii) Jawatan		
	iii) Tugas		
iv) Minat			
v) Sikap	4	Menganalisis ciri-ciri kepimpinan yang perlu ada pada seorang pemimpin yang dihormati dengan berpandukan kepada ketokohnya.	
vi) Sumbangan bakti kepada masyarakat			
8.1.3 Memerihalkan mengenai pemimpin negeri yang dihormati.	5	Membuktikan ketokohan pemimpin negeri dengan merujuk kepada sumbangannya kepada masyarakat dengan yakin dan tekak.	
	6	Menjana idea dengan menghasilkan karya kreatif mengenai pemimpin negeri yang dihormati dan boleh bercerita mengenainya dengan yakin serta boleh dicontohi.	

9.0 PEMERINTAHAN DI MALAYSIA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
9.1 Bentuk Pemerintahan	Murid boleh: 9.1.1 Mengenal pasti negeri yang mengamalkan pemerintahan beraja. 9.1.2 Menyatakan mengenai pemerintahan raja berperlembagaan. 9.1.3 Menjelaskan kepentingan taat setia kepada raja dan negara.	1	Mengenal pemerintahan beraja dengan bimbingan guru.
		2	Menjelaskan dengan contoh bentuk pemerintahan beraja dengan bimbingan guru.
		3	Menyenaraikan negeri-negeri yang mengamalkan pemerintahan beraja.
		4	Membezakan bentuk pemerintahan beraja dengan yang tidak beraja dengan betul.
		5	Menentukan negeri-negeri yang beraja dengan negeri-negeri yang tidak beraja serta kepentingan memberi kesetiaan kepada raja dan negara dengan betul, tekal dan yakin.
		6	Menulis secara kreatif dan menjelaskan semula mengenai bentuk pemerintahan raja berperlembagaan serta kepentingan memberi taat setia kepada raja dengan yakin dan boleh dicontohi.

Standard Kandungan,
Standard Pembelajaran
dan Standard Prestasi

Tingkatan 5

1.0 MANUSIA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.1 Kehamilan	Murid boleh: 1.1.1 Menyatakan maksud kehamilan. 1.1.2 Mengenal pasti perkembangan kehamilan. 1.1.3 Menerangkan nutrisi untuk ibu hamil. 1.1.4 Menjelaskan kepentingan penjagaan kesihatan sepanjang tempoh kehamilan.	1	Menyatakan mengenai kehamilan secara umum.
		2	Menerangkan proses perkembangan kehamilan dengan bimbingan guru.
		3	Menunjuk cara menjaga kesihatan ibu hamil.
		4	Menganalisis nutrisi yang sesuai untuk ibu hamil dengan betul.
		5	Menilai kepentingan menjaga kesihatan ibu hamil sepanjang tempoh kehamilan dengan yakin.
		6	Menjana idea dengan menghasilkan bahan grafik berkaitan kesihatan dan kehamilan secara kreatif, boleh berkongsi maklumat dengan rakan serta boleh dicontohi.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.2 Kelahiran	Murid boleh:		
	1.2.1 Menyatakan maksud kelahiran.	1	Menerangkan maksud kelahiran.
	1.2.2 Menerangkan proses kelahiran bayi.	2	Menerangkan proses kelahiran bayi.
	1.2.3 Memerihalkan kepentingan pengambilan makanan berkhasiat selepas kelahiran.	3	Menjelaskan dengan contoh mengenai penjagaan kesihatan ibu dan bayi selepas kelahiran bayi.
	1.2.4 Menjelaskan kepentingan penyusuan susu ibu.	4	Menentukan makanan berkhasiat dan kepentingannya selepas kelahiran bayi dengan betul.
		5	Menilai kepentingan penyusuan susu ibu kepada ibu dan bayi dengan betul dan yakin.
		6	Menjana idea berkaitan penjagaan kesihatan ibu dan bayi selepas kelahiran dengan betul, yakin dan boleh dicontohi.

2.0 HAIWAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.1 Haiwan dan Kepentingan	Murid boleh:		
	2.1.1 Menerangkan hubungan antara haiwan dengan manusia dan tumbuhan.	1	Menyatakan hubungan antara haiwan dengan manusia dan tumbuhan.
	2.1.2 Memerihalkan kepentingan haiwan kepada manusia: i) Perindustrian ii) Kesihatan iii) Pengangkutan	2	Menjelaskan kepentingan haiwan kepada manusia dan tumbuhan.
	2.1.3 Menjelaskan kepentingan haiwan kepada tumbuhan: i) Menyebarkan biji benih ii) Menggemburkan tanah iii) Kawalan biologi	3	Menjaga haiwan dengan betul dan boleh menjelaskan dengan contoh kepentingan haiwan kepada manusia dan tumbuhan.
	2.1.4 Memelihara haiwan.	4	Menganalisis hubungan haiwan dengan manusia dan tumbuhan melalui aktiviti pemeliharaan haiwan dengan betul.
		5	Menilai kepentingan haiwan kepada manusia dan tumbuhan melalui aktiviti pemeliharaan haiwan dengan betul, yakin dan tekal.
		6	Menyebarkan maklumat tentang kepentingan haiwan dalam kehidupan dengan betul, yakin dan tekal serta boleh dicontohi.

3.0 TUMBUHAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
3.1 Tumbuhan dan Kepentingan	Murid boleh:		
	3.1.1 Menerangkan hubungan antara tumbuhan dengan manusia.	1	Menyatakan hubungan antara tumbuhan dengan manusia.
	3.1.2 Memerihalkan kepentingan tumbuhan kepada manusia: i) Perindustrian ii) Perubatan iii) Menyediakan peluang pekerjaan	2	Menjelaskan kepentingan tumbuhan kepada manusia.
		3	Menjaga tumbuhan dengan betul dan boleh menjelaskan dengan contoh kepentingan tumbuhan kepada manusia dan haiwan.
	3.1.3 Menjelaskan kepentingan tumbuhan kepada haiwan: i) Habitat haiwan ii) Sumber makanan iii) Keseimbangan ekosistem	4	Menganalisis hubungan tumbuhan dengan manusia dan haiwan melalui pemuliharaan tumbuhan secara betul dan sistemetik.
	3.1.4 Memulihara tumbuhan.	5	Menilai kepentingan tumbuhan kepada manusia dan haiwan melalui aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan tumbuhan dengan betul, yakin dan tekak.
		6	Menyebarkan maklumat tentang kepentingan tumbuhan dalam kehidupan dengan betul, yakin dan tekak serta boleh dicontohi.

4.0 PENGAWETAN MAKANAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
4.1 Pembungkusan Vakum dan Pempasteuran	Murid boleh:		
	4.1.1 Mengenal pasti makanan yang boleh: i) divakumkan ii) dipasteurkan	1	Mengenal pasti makanan yang boleh divakumkan dan dipasteurkan.
	4.1.2 Menyatakan proses pengawetan makanan secara: i) pembungkusan vakum ii) pempasteuran	2	Menerangkan proses pengawetan secara pembungkusan vakum dan pempasteuran.
	4.1.3 Menjelaskan kepentingan pengawetan makanan.	3	Mengawet makanan secara vakum dan pasteur mengikut kesesuaian makanan.
	4.1.4 Membungkus makanan secara vakum dan pasteur.	4	Mengawet makanan dengan betul dan boleh menyatakan kepentingan pengawetan makanan dengan yakin.
		5	Mengawet makanan dengan betul dan boleh menyatakan kepentingan pengawetan makanan dengan yakin dan tekal.
		6	Membungkus makanan dengan betul dan bersih serta boleh menyatakan kepentingan pengawetan makanan dengan yakin, tekal dan boleh dicontohi.

5.0 ALAM SEKITAR

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
5.1 Pemanasan Global	Murid boleh:		
	5.1.1 Menyatakan maksud pemanasan global.	1	Menyatakan makna pemanasan global.
	5.1.2 Mengenal pasti punca berlakunya pemanasan global:	2	Menerangkan maksud dan punca berlakunya pemanasan global.
	(i) Perindustrian	3	Menjaga alam sekitar demi kehidupan manusia.
	(ii) Pengangkutan	4	Menjaga alam sekitar dengan betul dan boleh menganalisis kesan pemanasan global pada persekitaran dengan yakin.
	(iii) Pembakaran hutan	5	Menjaga alam sekitar dengan betul dan boleh menilai kesan pemanasan global pada kehidupan sejagat dengan yakin dan tekal.
5.1.3 Menghuraikan kesan pemanasan global.	6	Menjaga alam sekitar dengan betul dan boleh menyebarkan maklumat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar dengan yakin dan tekal serta boleh dicontohi.	
5.1.4 Menjaga alam sekitar.			

6.0 KELESTARIAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
6.1 Pengurusan Sisa Pepejal	Murid boleh:		
	6.1.1 Mengenal pasti sisa pepejal daripada kaca.	1	Menamakan objek daripada kaca yang boleh diguna semula.
	6.1.2 Memerihalkan cara menggunakan semula sisa pepejal daripada kaca.	2	Menjelaskan cara menggunakan semula sisa pepejal daripada kaca.
	6.1.3 Menjelaskan kesan menggunakan semula sisa pepejal daripada kaca.	3	Menggunakan kaca yang boleh diguna semula menjadi objek menarik yang boleh dipamerkan.
	6.1.4 Mempamerkan objek yang diguna semula daripada kaca.	4	Menggunakan kaca yang boleh diguna semula dan boleh menerangkan kebaikan menggunakannya semula dengan betul.
		5	Menggunakan kaca yang boleh diguna semula dan boleh menilai kepentingannya kepada alam sekitar secara tekal dan yakin.
		6	Berkongsi idea tentang pengurusan sisa pepejal dalam aktiviti pameran yang berkaitan dengan guna semula kaca dengan betul, tekal, yakin dan boleh dicontohi.

7.0 SEJARAH KITA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
7.1 Negeriku	Murid boleh:		
	7.1.1 Menyatakan mengenai negeri tempat tinggal.	1	Menyatakan mengenai negeri tempat tinggal.
	7.1.2 Mengenal pasti keistimewaan negeri tempat tinggal.	2	Menghuraikan keistimewaan negeri tempat tinggal.
	7.1.3 Menilai keistimewaan negeri tempat tinggal berdasarkan bukti.	3	Menunjukkan dengan contoh keistimewaan negeri tempat tinggal.
	7.1.4 Menzahirkan rasa cinta akan negeri tempat tinggal.	4	Membuktikan keistimewaan negeri tempat tinggal melalui media atau penceritaan secara kreatif.
		5	Menzahirkan idea tentang keistimewaan negeri tempat tinggal dengan yakin dan tekak.
	6	Menzahirkan idea tentang keistimewaan negeri tempat tinggal secara kreatif dan yakin serta boleh dicontohi.	

8.0 PEMIMPIN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
8.1 Pemimpin Negara	Murid boleh: 8.1.1 Menamakan pemimpin negara berdasarkan jawatannya. 8.1.2 Memerihalkan mengenai pemimpin dan sumbangannya kepada negara. 8.1.3 Mempamerkan sikap menghargai dan menghormati pemimpin negara.	1	Menyatakan mengenai pemimpin negara.
		2	Mengenal pasti pemimpin negara.
		3	Menunjukkan sikap menghormati pemimpin negara dengan cara menghargai sumbangannya kepada masyarakat.
		4	Menghormati pemimpin negara dengan cara menilai sumbangan yang diberikan kepada masyarakat dan negara.
		5	Menghubungkaitkan kepimpinan seorang pemimpin negara dengan sumbangan yang telah dilakukannya dengan yakin dan tekal.
		6	Menjana idea tentang sumbangan seorang pemimpin kepada masyarakat dan negara secara kreatif serta boleh bercerita mengenainya dengan yakin, tekal serta boleh dicontohi.

9.0 PEMERINTAHAN DI MALAYSIA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
9.1 Demokrasi Berparlimen	Murid boleh:		
	9.1.1 Menyatakan maksud demokrasi berparlimen.	1	Menyatakan maksud demokrasi berparlimen dan pilihan raya dengan bimbingan.
	9.1.2 Menjelaskan fungsi wakil rakyat.	2	Menerangkan fungsi wakil rakyat dalam negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen.
9.2 Pilihan Raya di Malaysia	Murid boleh:		
	9.2.1 Menerangkan maksud pilihan raya.	3	Melaksanakan tanggungjawab sebagai warganegara dalam negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen.
	9.2.2 Mengenal pasti kelayakan mengundi.	4	Melaksanakan tanggungjawab sebagai warganegara dalam negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen dan menjelaskan kepentingan mengundi dalam pilihan raya dengan betul.
	9.2.3 Memerihalkan kepentingan mengundi.	5	Melaksanakan tanggungjawab sebagai warganegara dalam negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen dan menilai kepentingan mengundi dalam pilihan raya dengan betul dan yakin.
	9.2.4 Melaksanakan tanggungjawab sebagai warganegara.	6	Menjana idea tentang kepentingan mengundi semasa pilihan raya dengan yakin, tekal dan boleh dicontohi.

PANEL PENGGUBAL

- | | |
|-------------------------------|--|
| 1. Paizah binti Zakaria | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 2. Haris bin Yusof | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 3. Abdul Rasid bin Haji Jali | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 4. Oliza binti Omar | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 5. Norlei binti Ismail | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 6. Azizah binti Mohd Puteh | SMK Putrajaya Presint 14(1), WP Putrajaya |
| 7. Tamil Selvi a/p Mahalingam | SMK Taman Desa 2, Rawang, Selangor |
| 8. Nordiana binti Ngaspan | SMK Teluk Gadong, Klang, Selangor |
| 9. Inawati binti Ibrahim | SMK Taman Tuanku Jaafar, Seremban, Negeri Sembilan |

TURUT MENYUMBANG

- | | |
|-------------------------------|--------------------------------|
| 1. Mohd Shafiee bin Abd Ghani | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 2. Umi Salmah binti A. Manaf | Bahagian Pembangunan Kurikulum |

PENGHARGAAN

Penasihat

- | | | |
|---------------------------|---|--------------------------|
| Dr. Mohamed bin Abu Bakar | - | Timbalan Pengarah |
| Datin Dr. Ng Soo Boon | - | Timbalan Pengarah (STEM) |

Penasihat Editorial

- | | | |
|----------------------------------|---|--------------|
| Mohamed Zaki bin Abd. Ghani | - | Ketua Sektor |
| Haji Naza Idris bin Saadon | - | Ketua Sektor |
| Mahyudin bin Ahmad | - | Ketua Sektor |
| Dr. Rusilawati binti Othman | - | Ketua Sektor |
| Mohd Faudzan bin Hamzah | - | Ketua Sektor |
| Fazlinah binti Said | - | Ketua Sektor |
| Mohamed Salim bin Taufiq Rashidi | - | Ketua Sektor |
| Haji Sofian Azmi bin Tajul Arus | - | Ketua Sektor |
| Paizah binti Zakaria | - | Ketua Sektor |
| Hajah Norashikin binti Hashim | - | Ketua Sektor |

Penyelaras Teknikal Penerbitan dan Spesifikasi

Saripah Faridah binti Syed Khalid
Mior Syazril bin Mohamed Sapawi

Pereka Grafik

Siti Zulikha binti Zelkepli

ISBN 978-967-420-557-7



**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia**
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,
62604 Putrajaya.
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://bpk.moe.gov.my>